

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
ISNIN, 10 MAC 2025**

PH08/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL7] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika kementerian bercadang membina empangan (dam) sebagai langkah mitigasi jangka panjang bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan luar bandar agar kawalan aliran air lebih efektif dan mengelakkan kesan berulang setiap tahun. Ini memandangkan usaha menaik taraf jalan raya dan sistem perparitan yang sedia ada, kurang berkesan dalam mengawal aliran air.
- ii. **[PL85] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan mengenai dengan status infrastruktur dan perkhidmatan seperti lebuh raya, jalan raya, longkang, yang dalam keadaan yang rosak dan tidak terpelihara disebabkan hujan yang lebat dan banjir di beberapa kawasan, (a) bagaimanakah keberkesanan kolam-kolam tadahan yang dibina beberapa tahun yang lalu termasuk pendalaman dan pembersihan longkang agar air dapat mengalir deras; dan (b) apakah terdapat perancangan penambahbaikan bagi usaha-usaha yang dibuat sebelum ini.
- iii. **[PL74] Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi memulihara dan memelihara bangunan-bangunan bersejarah yang dilindungi di bawah Akta Perintah Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam.

-
- iv. **[PL60] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memperkenalkan kaedah penilaian alternatif selain O-Level bagi memberi lebih banyak pilihan kepada pelajar. Adakah Kementerian merancang bagi kaedah yang lebih holistik dan inklusif bagi menguji dan menilai kecerdasan pelajar dengan mengambil kira kajian daripada pakar psikologi yang mana manusia mempunyai kepelbagaian kecerdasan, namun sistem penilaian pendidikan di negara ini hanya menekankan kepada ujian bertulis dan hafalan.
- v. **[PL80] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan KPI Kementerian yang berhubung dengan peratus pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 5 'O' levels dan IGCSE, yang rendah, apakah perancangan Kementerian dalam usaha untuk menaikkan peratus ini kepada kadar yang lebih tinggi agar kualiti pelajar yang masuk ke *post-secondary* dan pengajian tinggi akan lebih berkualiti.
- vi. **[PL57] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan ketelusan dalam penggunaan dana walaupun statistik kutipan telah diterbitkan dalam laman web Kementerian, pecahan perbelanjaan masih tidak didedahkan. Apakah usaha dalam menggalakkan lebih ramai orang menderma. Statistik setakat 30 Jun 2024 adalah jumlah kutipan tabung Dana Pembinaan Masjid mencecah \$2,340,388 dan perbelanjaan \$695,640.17.
- vii. **[PL70] Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan jika terdapat perancangan bagi mewujudkan Jawatankuasa Khas atau menggunakan *Artificial Intelligence* (AI) bagi memantau kegiatan keugamaan di laman sosial seperti penceramah bebas, ajaran sesat dan seumpamanya.
- viii. **[PL14] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI KESIHATAN** mengenai inisiatif-inisiatif sedia ada dan yang dalam perancangan Kementerian Kesihatan, untuk meningkatkan lagi penglibatan serta mengangkat kepakaran *Specialists* dan *Consultants* tempatan agar mereka setanding dengan pakar-pakar di pusat-pusat negara jiran dan antarabangsa. Ini mengambil kira Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) baru-baru ini mengumumkan *breakthrough* dalam pembedahan pemindahan hati.

-
- ix. **[PL84] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan (a) perancangan Kementerian bagi penambahan bilangan konsultan, pakar dan doktor bagi menampung kekurangan yang sangat ketara sehingga menyebabkan masa menunggu yang lama contoh bagi pembedahan iaitu 3-6 bulan; dan (b) jika terdapat peruntukan khusus bagi menaiktaraf fasiliti di Hospital RIPAS dan hospital-hospital Daerah.
- x. **[PL131] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pelaksanaan perancangan dan strategi Kementerian dalam mempertingkatkan dan memantapkan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebagai hospital rujukan dan tertiary dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik, berkualiti dan berkesan bagi memenuhi keperluan semasa dan yang akan datang.
- xi. **[PL125] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai perancangan untuk mengadakan perbezaan syarat yang bersesuaian dalam mematuhi piawaian kepatuhan bagi pengusaha kecil dan sederhana dalam bidang pertanian dan penternakan dari segi keselamatan, kesihatan dan alam sekitar berbanding dengan peraturan dan keperluan kepatuhan yang ada pada masa ini.
- xii. **[PL96] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengenakan beberapa cukai-cukai yang difikirkan berpatutan atau diperlukan bagi meningkatkan pendapatan negara serta mengurangkan defisit negara.
- xiii. **[PL42] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan jika ada pertimbangan untuk Kerajaan membayar caj kelewatan dan memastikan proses invois lebih cekap agar tidak membebankan penyedia perkhidmatan terutama perusahaan kecil tempatan yang bergantung kepada pembayaran yang tepat waktu. Ramai vendor mengadu berkenaan kelewatan pembayaran invois tanpa notifikasi jelas sehingga memaksa mereka mengambil pinjaman, menanggung yuran tertunggak, dan penalti untuk membayar gaji pekerja, bayaran SCP dan vendor demi kelangsungan operasi.

- xiv. **[PL61] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menangani isu tekanan di kalangan guru dalam memenuhi piawaian pendidikan yang menjejaskan kesihatan mental guru dan bagaimana Kementerian memastikan sistem sokongan yang lebih berkesan dan dipercayai. Ini mengambilkira Selidik Warga Pendidik (Julai 2024) yang mendapati 68.4% guru merasakan sistem sokongan di sekolah tidak berkesan, sementara hanya 2.6% berpandangan sebaliknya.
- xv. **[PL72] Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika terdapat perancangan bagi Institusi Pendidikan Tinggi menawarkan kursus *Tourism and Hospitality* di peringkat ijazah di masa-masa akan datang, memandangkan pelancongan antara sektor yang terpenting kepada ekonomi negara.

3. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERINGKAT JAWATANKUASA

Perbahasan berkenaan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

“Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

- i. Jabatan Perdana Menteri (Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A)
- ii. Jabatan Perdana Menteri (Tajuk SA08A hingga Tajuk SA14A)

4. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- i. **[PT15] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah kerajaan dalam memperkasakan komuniti untuk menangani kesan bencana secara berdikari, dengan penyediaan bantuan seperti pinjaman faedah rendah untuk membaiki rumah yang terjejas dan kerja-kerja pembaikan. Ini kerana perubahan iklim nyata serta memberi kesan kepada kehidupan seharian, dan peningkatan kekerapan dan keterukan bencana alam kos pemulihan, sering tidak dilindungi insurans.
- ii. **[PT26] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengembangkan industri kreatif, khususnya dalam memanfaatkan keunikan budaya tujuh puak jati Brunei. Ini memandangkan kekayaan warisan budaya Negara melalui tujuh puak jati yang dapat dimanfaatkan untuk mengembangkan industri kreatif yang tidak hanya melestarikan warisan budaya, tetapi juga memberikan peluang ekonomi bagi masyarakat.